

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK LEE TIAN SING

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Datuk Lee Tian Sing minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian akan membuka lebih ruang untuk kerjasama dan kolaborasi antara Kementerian dan NGO-NGO kebajikan dalam memperkukuhkan sistem bantuan dan sokongan kepada warga-warga emas, golongan kurang upaya dan yang berpendapatan rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa terbuka untuk menjalin kerjasama strategik dengan mana-mana Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Syarikat Korporat dan *Government-Linked Company* (GLC) dalam memperkukuhkan sistem bantuan dan sokongan kepada kumpulan sasar kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bagi menggalakkan penyertaan dan penglibatan NGO sebagai rakan kongsi strategik, Kementerian telah menyediakan bantuan kewangan melalui pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan dan Bantuan Khas Perbendaharaan untuk tujuan pelaksanaan program Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Langkah ini bertujuan memastikan perkhidmatan kebajikan yang terbaik dapat diberikan secara langsung kepada kumpulan sasar.

Antara program kerjasama strategik yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bersama NGO, Syarikat Korporat dan GLC adalah seperti berikut:

- i. Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) yang dilaksanakan di seluruh Negara dengan kerjasama Empat (4) buah NGO iaitu Majlis Pusat Kebajikan Se-Malaysia (MPKSM), Persatuan USIAMAS, Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) dan Majlis Perkhidmatan Sabah;
- ii. Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang dilaksanakan dengan kerjasama MPKSM, Persatuan USIAMAS dan NGO lain di peringkat komuniti;
- iii. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang dilaksanakan bersama NGO di peringkat komuniti serta dengan sokongan Syarikat Korporat dan GLC;

SOALAN NO. : 23

- iv. Program Penyumberluaran Perkhidmatan Institusi Rumah Seri Kenangan Sri Iskandar bersama NGO dan Syarikat Korporat; dan
- v. Pengurusan sumbangan di bawah CSR oleh Syarikat Korporat dan GLC kepada kumpulan sasar Kementerian seperti yang telah dilaksanakan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang lalu.

Kementerian sentiasa mengalu-alukan mana-mana NGO, Syarikat Korporat dan GLC untuk menjalinkan kerjasama strategik demi kepentingan dan kesejahteraan kumpulan sasar di bawah Kementerian. Ini juga adalah selaras dengan prinsip kebajikan adalah tanggungjawab bersama.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI**

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan Kementerian dalam memastikan semua pertubuhan badan bukan Kerajaan OKU diberi bantuan dana bagi menyokong usaha mereka dalam membantu Kerajaan melaksanakan program pasca COVID-19 khusus buat golongan OKU.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melihat Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau dikenali sebagai Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) sebagai rakan strategik yang melengkapi usaha Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan sehingga ke peringkat akar umbi.

Pada 5 Jun yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) untuk menjana semula ekonomi Negara bagi pasca COVID-19. KPWKM telah diperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk menggalakkan NGO di bawah kumpulan sasar KPWKM bagi menjalankan program-program yang berkaitan melalui Bantuan Khas Perbendaharaan (BKP).

Peruntukan BKP adalah Bantuan Kewangan Kerajaan disalurkan kepada NGO bagi tujuan pelaksanaan program Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Bantuan Kewangan Kerajaan disalurkan bagi menggalakkan penyertaan dan penglibatan NGO dalam program dan khidmat kebajikan. Juga sebagai rakan kongsi Kementerian dalam menyediakan perkhidmatan kebajikan yang terbaik kepada masyarakat yang memerlukan, di samping perkhidmatan yang telah disediakan oleh kerajaan.

Permohonan peruntukan tersebut terbuka kepada semua NGO yang berdaftar dengan mana-mana Pendaftar yang diiktiraf atau mana-mana badan Kerajaan yang diberi kuasa melalui undang-undang Negara dan menjalankan sesuatu program yang mempunyai kepentingan untuk wanita, keluarga dan masyarakat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR LAKSAMANA PERTAMA
(B) HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABD
HAMID**

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan penekanan dan usaha Kementerian untuk mengekang gejala sosial bawah umur seperti pembuangan bayi dari tingkap atas rumah yang terjadi di Ipoh, Perak baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sememangnya memandang serius terhadap gejala sosial yang melibatkan remaja bawah umur dan pembuangan bayi yang berlaku di dalam masyarakat kita. Usaha itu membendung masalah ini bukanlah terletak kepada Kementerian semata-mata tetapi memerlukan komitmen daripada semua pihak termasuk NGO, swasta dan Ibu bapa.

Justeru, Kementerian melalui LPPKN akan terus melaksanakan pelbagai program pencegahan dan intervensi seperti berikut :

(i) **Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI)**

Program PEKERTI memberi kemahiran dan pengetahuan berkaitan kesihatan reproduktif dan sosial serta memupuk sikap yang positif serta menghindari daripada tingkah laku yang berisiko. Program ini juga turut menyentuh berkaitan kesan dan akibat hubungan seks dalam kalangan remaja, pembuangan bayi serta undang-undang berkaitannya. Ia turut dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan telah memberi manfaat kepada 293,994 peserta sejak tahun 2011.

(ii) **Program KafeTEEN**

Pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial juga diterapkan melalui 18 buah Pusat Remaja KafeTEEN di seluruh negara. Dari tahun 2006 sehingga Mac 2020, seramai 687,565 golongan remaja telah mendapat manfaat daripada penganjuran program-program pendidikan dan pembangunan kemahiran diri, 35,458 remaja telah menerima perkhidmatan kesihatan reproduktif dan 13,864 remaja mendapat perkhidmatan kaunseling sosial. Aplikasi mykafeTEEN, pula telah diakses oleh 5,064 remaja pada tahun 2019.

(iii) **Program Pendidikan Keibubapaan**

Kursus pendidikan keibubapaan dan perkahwinan yang mencakupi pelbagai aspek sosial dilaksanakan untuk memberi pengetahuan kepada ahli keluarga mengenai ilmu kekeluargaan. Sepanjang tahun 2006 sehingga 2019 sebanyak 15,965 program pendidikan keibubapaan yang memberi pengetahuan kepada 2,755,719 ahli keluarga.

(iv) **Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA)**

Program PEKA dilaksanakan pada sejak 2016 untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa atau penjaga terhadap isu pengabaian, kecuiaan, penderaan dan perlindungan kanak-kanak. Sejak tahun 2018 sehingga 2019, seramai 9,640 ahli keluarga telah mendapat manfaat daripada program tersebut.

(v) **Program Promosi Pengukuhan Nilai Teras Keluarga**

Sempena program pengukuhan nilai seperti Bulan Keluarga Kebangsaan, Hari Ibu, Hari Bapa dan Bulan Kaunseling, LPPKN mengadakan aktiviti perkongsian ilmu dan panduan kekeluargaan. Melalui program ini seramai 85,726 telah mendapat pengetahuan dan kemahiran dalam aspek kekeluargaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR TAN SRI RADZI BIN TAN
SRI SHEIKH AHMAD**

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Tan Sri Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa banyak pusat jagaan anak yatim dan orang tua mengikut negeri yang didaftar di bawah Akta Pusat Jagaan yang mendapat bantuan Kerajaan. Berapa kos makan dan minum seorang anak yatim dan orang tua setiap hari yang ditanggung oleh Kerajaan. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambah kos makan minum tersebut memandangkan kos bahan mentah dan kos bahan langsung kian meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi Bantuan Kewangan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang memberikan perkhidmatan penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar JKM iaitu Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Kanak-kanak.

Sehingga bulan Jun 2020, JKM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM5.54 juta kepada 89 buah pusat jagaan kanak-kanak yang memenuhi syarat kelayakan Jabatan. Senarai pusat jagaan kanak-kanak mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	PSK KANAK-KANAK	
	JUMLAH PSK	JUMLAH BANTUAN (RM)
Perlis	2	160,120.00
Kedah	11	572,400.00
Pulau Pinang	5	150,092.00
Perak	17	814,900.00
Selangor	20	1,613,416.00
Kuala Lumpur	6	229,464.00
Negeri Sembilan	4	245,000.00
Melaka	3	288,584.00
Johor	3	132,000.00
Pahang	4	269,000.00
Terengganu	5	300,000.00
Kelantan	3	287,000.00
Sarawak	3	147,576.00
Sabah	3	334,720.00
JUMLAH	89	5,544,272.00

Bagi tempoh yang sama, JKM telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM2.87 juta** kepada **22** buah pusat jagaan warga emas. Senarai pusat jagaan kanak-kanak mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	PSK WARGA EMAS	
	JUMLAH PSK	JUMLAH BANTUAN (RM)
Kebangsaan	3	1,786,000.00
Pulau Pinang	3	248,336.00
Perak	2	179,000.00
Selangor	7	329,000.00
Johor	2	100,000.00
Pahang	1	60,000.00
Terengganu	2	157,000.00
Kelantan	2	10,000.00
JUMLAH	22	2,869,336.00

Pada masa ini, di bawah peruntukan JKM, bantuan yang disalurkan masih sebanyak RM8.00 sehari bagi kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum kepada penghuni di pusat jagaan. Sebagai menyokong usaha Kerajaan, PSK wajar mengambil inisiatif untuk mendapatkan dana lain bagi menampung kos tambahan makan minum penghuni mengikut keperluan.

Pengiraan bantuan kewangan yang disalurkan juga mengambil kira prestasi kewangan semasa PSK tersebut. Ini adalah selaras dengan prinsip kebajikan tanggungjawab bersama melalui kerjasama strategik antara kerajaan dan PSK.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN ASMAK BINTI
HUSIN**

TARIKH : 15 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan badan yang bertanggungjawab menggubal dan memantau sukatan pelajaran dan sistem pendidikan di institusi kebajikan yang melibatkan penempatan kanak-kanak seperti rumah kanak-kanak dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semua kanak-kanak di Malaysia wajib mendapat pendidikan sewajarnya. Hal ini seiring dengan kehendak Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang telah ditandatangani oleh Malaysia pada 28 Disember 1994 dan telah diguna pakai pada 7 Februari 1995. Berdasarkan konvensyen ini, empat (4) hak dan keperluan kanak-kanak yang mesti dipenuhi adalah Kelangsungan Hidup, Perlindungan, Perkembangan dan Penyertaan. Bagi kanak-kanak yang ditempatkan di institusi kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), mereka juga diberi hak dan peluang untuk mendapat pendidikan sama seperti kanak-kanak di luar sana.

JKM mempunyai 36 buah institusi kanak-kanak meliputi Rumah Kanak-kanak, Sekolah Tunas Bakti, Asrama Akhlak dan Taman Seri Puteri. Pendidikan adalah salah satu daripada perkhidmatan yang disediakan kepada kanak-kanak yang ditempatkan di institusi memandangkan ia adalah elemen penting dalam proses pertumbuhan dan perkembangan bagi kanak-kanak. Pendidikan yang disediakan adalah terdiri daripada pendidikan formal dan pendidikan bukan formal.

Bagi kanak-kanak yang ditempatkan di institusi kanak-kanak JKM, mereka mengikuti pendidikan formal di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kurikulum standard yang diguna pakai oleh KPM adalah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Kanak-kanak ini dihantar ke sekolah luar yang berdekatan dengan institusi, secara harian menggunakan kenderaan institusi.

Pendidikan formal di institusi kanak-kanak juga meliputi Latihan Vokasional dan Pendidikan Teknikal (TVET) pelbagai bidang seperti elektrik, kimpalan, jahitan dan masakan. Sukatan pelajaran bagi bidang TVET ini pula mengikut sukatan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui persijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Bagi persijilan

GIATMARA pula, sukatan pelajaran adalah berdasarkan kepada modul yang ditetapkan oleh GIATMARA.

Di samping itu, JKM turut menjalinkan kerjasama bersama agensi lain seperti Yayasan Peneraju Bumiputera bagi program galakan pembelajaran dan GIATMARA serta Akademi Binaan Malaysia di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi program latihan TVET.

Pendidikan bukan formal adalah pendidikan yang dilaksanakan dalam institusi merangkumi pendidikan am seperti pengurusan rumah tangga, pembangunan diri, komunikasi dan kebudayaan, pendidikan sosial seperti kesihatan, kemasyarakatan, keusahawanan dan etika serta pendidikan rohani seperti agama, moral dan sivik. Sukatan pelajaran bagi pendidikan bukan formal ini disediakan oleh JKM dengan kerjasama beberapa agensi lain sebagai contoh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam pembangunan Modul Pemeraksanaan Rohani bagi Kanak-kanak Institusi JKM. Terkini, JKM sedang dalam proses pembangunan bagi Modul Pemulihan Dadah bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

Aktiviti pendidikan ini dilaksanakan oleh kakitangan institusi atau dengan kerjasama agensi kerajaan serta badan korporat. Ini bagi memastikan pendidikan tersebut kekal relevan dan mampu memberi manfaat kepada kanak-kanak selaras dengan Akta Kanak-kanak 2001 dan CRC.